

AMALAN PENGGUNAAN PORTAL PEMBELAJARAN PPG DALAM KALANGAN PELAJAR PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU (PPG): SUATU TINJAUAN DARI PERSPEKTIF PELAJAR

Aliza Adnan, Rosseni Din, Mohd Shaferi Mohd Hassim, Junaida Ahmad & Md. Nor Zamani Abu Hassan

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengkaji amalan penggunaan Portal pembelajaran Program Pensiswazahan Guru (PPG) dari perspektif pelajar. Sampel kajian adalah terdiri daripada pelajar PPG Kohort 2 yang mengambil kursus Teknologi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (EDU 3053). Prosedur pengumpulan data melibatkan penggunaan instrumen kajian berbentuk soal selidik dan temu bual. Soal selidik kajian dianalisis menggunakan SPSS 18. Dapatan kajian menunjukkan pelajar program PPG memanfaatkan penggunaan portal PPG dalam aktiviti pembelajaran mereka. Kemudahan yang sering diakses oleh pelajar mengikut keutamaan adalah modul, bahan kuliah, tugas, forum dan pengumuman (news). Pelajar bersetuju Portal PPG membantu mereka mendapatkan modul dan bahan kuliah, mendapat maklumat terkini mengenai program dan membolehkan mereka berinteraksi dengan pensyarah. Kesukaran utama yang dihadapi pelajar untuk menggunakannya ialah kekangan masa untuk melayari portal, sambungan internet perlahan dan sambungan internet ke server tapak portal tidak stabil. Secara keseluruhannya, portal ini dapat membantu aktiviti pembelajaran pelajar di samping dapat melengkapkan interaksi bersemuka di antara pelajar dan pensyarah.

Kata kunci: *Program Pensiswazahan Guru (PPG), Portal Pembelajaran*

Pengenalan

Anjakan ke tujuh dari sebelas anjakan yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 adalah untuk memanfaatkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) bagi meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar di Malaysia. Amalan berterusan perlu dibuat bagi memaksimumkan penggunaan e-pembelajaran bagi pendidikan jarak jauh dan pembelajaran kadar sendiri untuk memperluaskan akses kepada pengajaran berkualiti tinggi tanpa mengira lokasi dan tahap kemahiran pelajar (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Kemajuan dalam ICT telah mencetuskan pembangunan pembelajaran berasaskan portal e-pembelajaran yang dikenali Sistem Pengurusan Pembelajaran (*Learning Management System-LMS*). Dalam pendidikan jarak jauh, portal e-pembelajaran kerap kali digunakan bagi melengkapkan interaksi bersemuka dan penggunaan modul (Hanafi, 2008). Sistem Pengurusan Pembelajaran (SPP) atau *Learning Management System (LMS)* adalah pelantar yang berupaya untuk menyusun, mengurus dan menjejak kursus-kursus secara dalam talian.

Sistem Pengurusan Pembelajaran adalah satu pakej perisian yang dibangunkan untuk membantu mengurus dan menyampaikan bahan pengajaran kepada pelajar.

Kebanyakan SPP adalah berasaskan *web*. Ini bermakna pelajar boleh mencapai bahan pengajaran pada bila-bila masa dan dimana-mana (*anytime, anywhere*).

Program Pensiswazahan Guru (PPG) merupakan kesinambungan daripada rancangan pembangunan pendidikan dalam RM ke-9 yang mula dilaksanakan dalam tempoh RM ke-10 (2011-2015). Pelaksanaannya berdasarkan keputusan mesyuarat yang berkaitan dengan '*strategy package for higher growth and structural change: human capital for high income economy*' pada 24 Jun 2009 antara unit perancangan ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Program ini dilaksanakan menggunakan tiga kaedah iaitu secara bersemuka, secara atas talian dan menggunakan modul.

Portal Pembelajaran PPG dibangunkan dengan menggunakan aplikasi MOODLE. Portal ini merupakan sebuah *Learning Management System (LMS)* dan *Course Management System (CMS)*. Pembangunan Portal Pembelajaran PPG adalah merupakan satu keperluan bagi memenuhi keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualification Standard) bagi pelaksanaan Program Pensiswazahan Guru di IPG. Portal ini juga berfungsi sebagai pelengkap kepada interaksi bersemuka yang hanya mempunyai 5 kali interaksi.

Portal pembelajaran PPG mula digunakan pada tahun 2012. Portal ini menyediakan modul pembelajaran dan menjadi pelantar kepada pensyarah untuk menghebahkan pengumuman, memuat naikkan nota-nota kuliah dan dokumen berkaitan pengajaran dan pembelajaran, forum secara dalam talian dan kuiz secara dalam talian. Kemudahan ini membolehkan pensyarah meletakkan bahan pengajaran untuk dicapai oleh pelajar di mana jua dan pada bila-bila masa. Portal ini juga berupaya mengesan dan memantau penglibatan pelajar secara dalam talian. Kefungsian atau kemudahan ini membolehkan maklumat interaksi secara dalam talian disimpan, direkod dan disemak semula.

Pernyataan Masalah

Banyak kajian di negara Barat mencadangkan apabila sesuatu teknologi baru diperkenalkan ke dalam sesebuah organisasi, kajian seharusnya dijalankan untuk mengetahui apakah manfaat yang diperolehi oleh organisasi itu (Mohd Azizol, 2011). Dalam pembangunan portal pembelajaran PPG, semua kefungisian dan kemudahan yang disediakan adalah bertujuan untuk membantu pelajar dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran secara dalam talian. Aktiviti seperti forum, kuiz secara dalam talian dan hebahan makluman (*site news*) meningkatkan interaksi di antara pelajar dan pensyarah bagi memantapkan pelaksanaan pembelajaran secara bersemuka. Untuk mengenalpasti sejauhmana portal ini berupaya menjadi satu mod pembelajaran yang berkesan, satu kajian ke atas kepenggunaan dan corak penggunaannya perlu dilaksanakan.

Kepenggunaan LMS kepada pelajar akan dipengaruhi oleh amalan penggunaan pelajar dan juga persepsi pelajar terhadap kebolehgunaan portal ini dalam membantu aktiviti pembelajaran. Kepenggunaan diukur dengan mengkaji kekerapan sesuatu fungsi kemudahan diakses. Sesuatu fungsi yang kerap diakses dianggap sangat berguna dan fungsi yang kurang diakses dianggap kurang berguna (Hanafi, 2008). Zaharias (2006) menjelaskan kepenggunaan e-Pembelajaran sebagai ukuran penglibatan pengguna secara berkesan dan memberi motivasi untuk belajar dengan menggunakan e-pembelajaran.

Manakala Chai dan Chen (2004) seperti dalam Jadual 1 mengklasifikasikan penilaian kepenggunaan berdasarkan tiga elemen iaitu sistem yang dinilai, pengguna yang menggunakan dan penilai yang menjalankan penilaian.

Jadual 1

Kerangka Metod Penilaian Kepenggunaan

Peranan Sistem	Peranan Pengguna	Peranan Penilai	Jenis Metod Penilaian
Hadir	Pengguna melakukan beberapa tugas menggunakan sistem	Penilai menilai interaksi antara pengguna dan sistem tersebut	Ujian Kepenggunaan
(Sistem itu ada semasa penilaian dilaksanakan)	Tiada pengguna sebenar terlibat	Penilai menilai interaksi antara penilai dan sistem tersebut	Pemantauan Kepenggunaan
Tidak hadir	Pengguna telah menggunakan sistem tersebut	Penilai menilai reaksi pengguna terhadap interaksi dengan sistem tersebut	Perspektif pengguna
(Sistem itu tiada semasa penilaian dilaksanakan)	Tiada pengguna sebenar terlibat	Penilai menilai reaksi penilai terhadap interaksi dengan sistem itu	Perspektif penilai

Sumber. Adaptasi dari Chai & Chen (2004).

Dalam kajian ini, metod untuk mengkaji kepenggunaan adalah dipilih dari perspektif pengguna kerana pelajar sebagai pengguna mempunyai pengalaman menggunakan portal pembelajaran PPG. Justeru itu, kajian dibuat untuk menilai reaksi pengguna terhadap penggunaan portal pembelajaran PPG. Pelajar menjawab soal selidik bagi membolehkan penilai menilai reaksi pengguna terhadap interaksi dengan portal tersebut.

Nichols (2003) telah menyatakan 10 prinsip pembelajaran dalam talian dan e-pembelajaran iaitu:

- a. e-pembelajaran ialah pelaksanaan pembelajaran yang boleh diaplikasikan bersama pelbagai model pendidikan seperti *face to face* atau pendidikan jarak jauh (PJJ)
- b. e-pembelajaran ialah satu bentuk pendidikan unik yang boleh digunakan di dalam paradigma bersemuka (*face to face*) dan PJJ.
- c. Pilihan di dalam teknologi e-pembelajaran boleh memberikan tindakbalas yang lebih baik dalam pedagogi.
- d. e-pembelajaran mempunyai kelebihan yang utama dengan kejayaan pelaksanaan inovasi pedagogi.
- e. e-pembelajaran boleh digunakan dalam dua cara iaitu penyampaian isi kandungan

pembelajaran dan kemudahan proses pembelajaran.

- f. e-pembelajaran dibina sebaik mungkin untuk dioperasikan atau digunakan bersama model rekabentuk pilihan kursus secara optimum.
- g. teknik dan peralatan e-pembelajaran hanya perlu digunakan apabila pertimbangan telah diambil kira kepada sistem dalam talian (*online*) atau di luar talian (*offline*).
- h. latihan e-pembelajaran yang efektif dan berkesan memberikan peluang kepada pengguna akhir (*end users*) untuk mengambil peluang pembelajaran yang diberikan atau dibekalkan kepada mereka.
- i. matlamat atau sasaran keseluruhan pendidikan yang dibangunkan oleh pengajar di dalam konteks kurikulum pembelajaran atau objektif pembelajaran tidak akan berubah apabila e-pembelajaran dilaksanakan.

Prinsip pembelajaran dalam talian yang dinyatakan oleh Nicholas (2003) ini memberi garis panduan bagaimana mewujudkan suasana persekitaran e-Pembelajaran yang berkesan. Justeru itu, kajian ini akan meninjau penggunaan pembelajaran dalam talian berdasarkan amalan e-Pembelajaran dan pembelajaran dalam talian dari perspektif pengguna.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji amalan penggunaan dan kebergunaan Portal Pembelajaran PPG dalam pengajaran dan pembelajaran subjek EDU 3053 dari perspektif pelajar PPG.

Objektif Kajian

Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk:

- a) meninjau kekerapan pelajar menggunakan Portal Pembelajaran PPG.
- b) mengenalpasti keutamaan kemudahan /aktiviti yang diakses pelajar.
- c) mengenalpasti persepsi pelajar terhadap kelebihan penggunaan Portal Pembelajaran PPG.
- d) mengenalpasti faktor yang mempengaruhi penggunaan Portal Pembelajaran PPG.
- e) mengenalpasti masalah yang dihadapi semasa menggunakan Portal Pembelajaran PPG.
- f) mengenalpasti kelebihan interaksi forum dalam Portal Pembelajaran PPG.
- g) mengenalpasti samada Portal Pembelajaran PPG membantu pelajar dalam aktiviti pembelajaran.

Metodologi

Rekabentuk kajian yang digunakan bergantung kepada tujuan sesuatu kajian (Maxwell, 2005). Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif yang dijalankan menggunakan kaedah tinjauan. Kaedah tinjauan didapati sesuai dalam pengurusan kajian ini kerana tinjauan yang hendak dilakukan hanya mengenai sikap responden terhadap tajuk persoalan yang dikemukakan. Selain itu ia hanya melibatkan kerja-kerja pengumpulan data dan maklumat daripada responden yang terlibat sahaja.

Sampel kajian

Sampel kajian dipilih dari kalangan pelajar PPG Kohot 2 yang mengambil subjek EDU 3053. Sampel kajian dipilih secara persampelan bertujuan (*Purposive sampling*). Pemilihan sampel adalah secara persampelan bertujuan lebih bermakna dan dapat mengurangkan kos serta berfokus kepada penerokaan pengalaman (Bernard, 2002). Sampel kajian terdiri daripada 49 pelajar PPG mengambil subjek EDU 3053 dalam semester Jun-Nov 2013. Seramai 44 pelajar telah menjawab soal selidik dan 5 orang pelajar telah ditemu bual.

Instrumen dan pengumpulan data

Prosedur pengumpulan data melibatkan penggunaan instrumen kajian berbentuk soal selidik dan penggunaan protokol temu bual.

Penganalisan Data


Data telah dianalisa menggunakan SPSS Versi 18. Maklumbalas dari soal selidik telah dianalisa secara deskriptif menggunakan frekuensi dan peratus. Frekuensi dan peratus digunakan untuk mencari kekerapan tertinggi bagi setiap item yang akan dikaji. Maklumbalas dari sesi temu bual telah dirumuskan berdasarkan tema yang bermakna dan berulang.

Dapatan Kajian

Dapatan akan dibincangkan berdasarkan hasil dapatan

a) Kekerapan penggunaan atau akses Portal PPG


Rajah 1 menunjukkan kekerapan pelajar mengakses Portal PPG. Dapatan menunjukkan 10.6% pelajar mengakses Portal lebih dari 50 kali untuk sepanjang semester Jun–Nov 2013. Manakala 51.1% pelajar mengakses sebanyak 30-50 kali dan 38.3% pelajar mengakses pelajar 10-30 kali sepanjang semester. Ini menunjukkan majoriti pelajar mengakses antara 30-50 kali sepanjang semester. Dapatan juga menunjukkan pelajar program PPG memanfaatkan penggunaan portal PPG untuk mendapat maklumat dan bahan terkini berkenaan dengan aktiviti pembelajaran mereka.



Rajah 1. Kekerapan akses Portal Pembelajaran PPG.

b) Keutamaan kemudahan yang sering diakses melalui portal

Portal PPG mempunyai beberapa kemudahan seperti modul, bahan kuliah, bahan tugas, forum, pengumuman (*news*) dan kuiz. Rajah 2 memaparkan kemudahan yang sering diakses oleh pelajar mengikut keutamaan iaitu modul, bahan kuliah, tugas, forum dan pengumuman (*news*).



Rajah 2. Kemudahan yang diakses oleh pelajar mengikut keutamaan.

Kemudahan modul menjadi keutamaan tertinggi dengan kadar 100% diikuti dengan bahan kuliah sebanyak 95.7% dan tugas sebanyak 85.1%. Walaubagaimanapun, kemudahan kuiz bukan menjadi keutamaan pelajar apabila mengakses portal PPG. Hanya 27.7% pelajar memilih mengakses portal untuk menjawab kuiz.

Dapatan temu bual mendapati responden memberi keutamaan kepada semakan berita yang dimasukkan dalam portal, menyemak bahan kuliah dan seterusnya memuat turun modul pembelajaran. Dapatan temu bual mengesahkan responden kurang mengakses portal untuk menjawab kuiz. Kenyataan responden semasa temu bual adalah seperti di bawah;

“Saya akan tengok berita terkini dulu untuk tahu arahan semasa, lepas tu masuk ke tapak subjek”

(Responden 1)

“Masa awal semester saya banyak download modul, kemudian download bahan dan buat forum. Saya jarang buat kuiz sebab tidak banyak disediakan dalam tapak subjek”

(Responden 3)

“Saya akan tengok berita terkini dulu untuk semak makluman semasa, kemudian semak maklumat di tapak subjek”

(Responden 5)

“Biasanya saya tengok berita terkini, lepas tu masuk ke tapak subjek”

(Responden 2)

c) Kelebihan penggunaan Portal Pembelajaran PPG

Menurut Mohamad Hisyam (2006), pelaksanaan LMS di universiti akan berjaya sekiranya sistem yang digunakan dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran hasil daripada berlakunya interaksi dalam sistem tersebut. Sehubungan itu, kajian ini meninjau kelebihan dan manfaat yang diperolehi pelajar apabila menggunakan Portal PPG. Jadual 2 memaparkan kelebihan penggunaan Portal PPG dari perspektif pelajar.

Jadual 2

Kelebihan Penggunaan Portal PPG

	Kekerapan	Peratus
Berhubung dengan pensyarah	33	70.2
Berhubung dengan rakan	32	68.1
Mendapat maklumat terkini program	40	85.1
Mendapat bahan kuliah dan modul	41	87.2
Menyemak tugas	30	63.8
Berinteraksi dalam forum	35	74.5
Menjawab soalan kuiz	21	44.7

Dapatan kajian menunjukkan 87.2% responden pelajar bersetuju Portal PPG membantu mereka mendapatkan modul dan bahan kuliah dan 85.1% responden bersetuju bahawa Portal PPG membantu mereka mendapat maklumat terkini program dan 74.5 % yakin penggunaan Portal PPG membolehkan mereka berinteraksi dengan pensyarah. Tujuan pelajar memasuki portal adalah untuk mendapatkan modul dan bahan kuliah, maklumat terkini program, dan berinteraksi dalam forum. Walaubagaimanapun hanya sebilangan kecil responden (44.7%) mengakses portal untuk menjawab soalan kuiz.

Responden yang ditemu bual juga memberi pandangan yang sama mengenai kelebihan portal.

“Saya dapat download modul serta bahan kuliah dan baca bahan dahulu sebelum kelas bermula”

(Responden 3)

“Saya dapat muat turun modul yang disediakan sebagai persiapan untuk bacaan dahulu sebelum kelas bermula”

(Responden 4)

“Saya boleh dapatkan modul dan bahan kuliah yang disediakan oleh pensyarah”

(Responden 5)

d) Faktor yang mendorong penggunaan portal PPG

Selain dari mengenalpasti kelebihan penggunaan portal, kajian ini juga cuba mengenalpasti faktor mendorong pelajar menggunakan Portal PPG. Jadual 3 memaparkan faktor yang mendorong pelajar menggunakan Portal PPG.

Jadual 3

Faktor yang Mendorong Pelajar untuk Mengakses Portal PPG

	Kekerapan	Peratus
Markah diberi utk setiap aktiviti OLL	26	55.3
Arahan wajib dikenakan oleh pensyarah	24	51.1
Mendapat maklum balas segera dari pensyarah	29	61.7
Pemantauan dijalankan oleh pensyarah	24	51.1
Mendapat latihan berkala tentang penggunaan OLL	26	55.3
Mendapatkan maklumat tentang perkembangan program	37	78.7

Dapatan kajian menunjukkan faktor utama yang menjadi pendorong kepada pelajar untuk memasuki portal adalah untuk mendapatkan maklumat tentang perkembangan program yang disediakan dalam tapak *site news* (78.7%), mendapat maklumbalas segera dari pensyarah (61.7%), markah diberi untuk setiap aktiviti OLL (55.3%) dan sekiranya mendapat latihan berkala tentang penggunaan OLL (55.3%). Arahan wajib yang dikenakan oleh pensyarah dan pemantauan yang dijalankan oleh pensyarah juga mempengaruhi keinginan pelajar untuk menggunakan OLL.

e) Masalah Yang Dihadapi Semasa Menggunakan Portal PPG

Dalam usaha menggunakan sesuatu teknologi baru yang diperkenalkan, sudah pasti terdapat kesukaran dalam proses menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran yang baru. Kajian ini juga cuba mengenalpasti masalah atau kesukaran yang dihadapi pelajar dalam menggunakan Portal Pembelajaran PPG.

Dapatan kajian yang dipaparkan dalam Jadual 4 menunjukkan kesukaran utama yang dihadapi responden untuk menggunakan portal ialah kekangan masa untuk melayari portal (76.6%), sambungan Internet perlahan (70.2%) dan sambungan Internet ke komputer pelayan (*server*) portal tidak stabil (53.2%). Hasil kajian menyokong pendapat Pollard & Hillage (2001) yang menyatakan bahawa pelajar bukan sahaja memerlukan sokongan tetapi juga memerlukan peruntukan masa untuk belajar tanpa gangguan. Ini menunjukkan mod pembelajaran secara separuh masa menjadi cabaran kepada responden mengendalikan masa dengan baik.

Jadual 4

Masalah Yang Dihadapi Semasa Penggunaan Portal PPG

	Kekerapan	Peratus
Sambungan internet perlahan	33	70.2
Sambungan ke server tapak portal tidak stabil	25	53.2
Navigasi portal tidak mesra pengguna	9	19.1
Arahan navigasi mengelirukan	5	10.6
Kurang bantuan teknikal	9	19.1
Kekangan masa untuk melayari portal	36	76.6

Masalah kedua dan ketiga tertinggi yang dihadapi pelajar adalah sambungan internet ke tapak portal e-pembelajaran adalah perlahan dan sambungan Internet ke komputer pelayan (*server*) tapak portal tidak stabil. Kemampuan jalur lebar Internet dan kemudahan infrastruktur Internet mempengaruhi kelancaran navigasi ke tapak portal e-pembelajaran. Hasil kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian yang dilaksanakan oleh O'Connor, *et al.* (2003) yang mendapati bahawa pelajar yang mempunyai komputer dan sambungan Internet mempengaruhi kekerapan dan kebolehan mengakses portal e-pembelajaran.

Dapatan temu bual dengan responden juga mengesahkan kekangan masa dan masalah sambungan internet menjadi masalah dalam mengakses portal PPG.

“Saya merasakan seperti satu tekanan terutama semasa Sem 1 dan Sem 2 sebab terlalu banyak assignment dan forum yang diberi dan deadline yang singkat, masa suntuk untuk mengakses portal”

(Responden 1)

“Kekangan masa dan akses internet yang slow terutama di IPG jadi masalah...saya kena beli braodband sendiri..”

(Responden 5)

“Line internet slow terutama di IPG menyukarkan saya memuat naik bahan..”

(Responden 4)

f) Persepsi pelajar terhadap kelebihan interaksi melalui forum

Oleh kerana program PPG hanya mempunyai interaksi bersemuka sebanyak 5 kali setiap semester, kemudahan aktiviti forum amat diperlukan bagi membolehkan pelajar dan pensyarah berbincang untuk memantapkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini meninjau persepsi pelajar terhadap interaksi melalui forum yang disediakan dalam portal PPG. Dapatan Jadual 5 menunjukkan 83% responden bersetuju forum membolehkan mereka menerima maklumat dari rakan dan pensyarah, 70.2% bersetuju bahawa forum portal membolehkan mereka berbincang dengan rakan serta memantapkan pemahaman

mereka. Di samping itu, 63.8% berpendapat forum menjana pemikiran secara kritis dan kreatif dan membolehkan pelajar membanding beza pendapat orang lain tentang sesuatu isu

Jadual 5

Persepsi pelajar terhadap kelebihan interaksi melalui forum

	Kekerapan	Peratus
Mengeluarkan pendapat	29	61.7
Berbincang dengan rakan	33	70.2
Memantapkan kefahaman	33	70.2
Menerima maklumat dari rakan dan pensyarah	39	83.0
Membanding beza pendapat orang lain	30	63.8
Berfikir secara kritis dan kreatif tentang sesuatu isu	30	63.8
Mengukur keupayaan mengulas sesuatu isu	23	48.9

g) Persepsi pelajar terhadap sokongan Portal Pembelajaran PPG dalam membantu aktiviti pembelajaran

Jadual 6

	Peratus
Sangat membantu	31.9%
Membantu	53.2%
Kurang membantu	6.4%

Hasil kajian menunjukkan 31.9 % responden berpendapat portal pembelajaran PPG sangat membantu dan 53.2 % pelajar berpendapat portal pembelajaran membantu mereka dalam aktiviti pembelajaran. Manakala hanya 6.4% berpendapat portal pembelajaran PPG kurang membantu. Ini bermakna majoriti pelajar berpendapat portal pembelajaran PPG sangat membantu dan telah memberi banyak kelebihan kepada pelajar dalam aktiviti pembelajaran.

Dapatan temu bual mengesahkan responden bersetuju portal PPG membantu aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Berikut adalah kenyataan dari responden;

“Kami perlu Portal ini sebab cuma ada 5 interaksi mungkin kalau boleh dibuat penambahbaikan seperti menjalankan bengkel OLL untuk kami lebih berkemahiran untuk memanfaatkan Portal ini”

(Responden 3)

“Portal ini menjadi medan kami mendapat makluman yang diumumkan oleh pensyarah dan penyelaras.”

(Responden 4)

“Portal ini melengkapkan 5 kali interaksi pelajar dan pensyarah... bengkel OLL untuk kami perlu diteruskan untuk kami manfaatkan Portal ini”

(Responden 5)

“Ia membantu saya mendapatkan berita terkini modul, bahan kuliah...tapi masih ada tapak yang kosong dan tidak lengkap”

(Responden 5)

Perbincangan Dan Kesimpulan

Dapatan kajian menunjukkan Portal Pembelajaran PPG telah berjaya menyokong pelaksanaan interaksi dalam talian dan e-Pembelajaran bagi Program Pensiswazahan Guru. Majoriti pelajar telah mengakses portal lebih dari 30 kali satu semester untuk pelbagai tujuan. Penggunaan Portal Pembelajaran PPG disokong oleh kekerapan akses pelajar ke portal. Amalan penggunaan merujuk kepada aktiviti dan tujuan penggunaan portal dalam pembelajaran. Menurut Mohd Azizol (2011), kejayaan sistem maklumat boleh dilihat dari segi kesan, sumbangan dan manfaat penggunaan sistem itu terhadap pencapaian objektif organisasi seperti penglibatan pengguna, kepuasan pengguna, manfaat kepada individu dan manfaat kepada organisasi.

Namun begitu, terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam mengakses Portal PPG. Antara masalah adalah seperti sambungan internet adalah perlahan dan sambungan internet ke server tapak portal tidak stabil. Terdapat beberapa ruang penambahbaikan untuk memperbaiki infrastruktur internet seperti menyediakan kemudahan lebar jalur yang berkapasiti tinggi bagi menyokong penggunaan oleh ramai pengguna pada satu-satu masa. Infrastruktur internet yang baik bukan sahaja dapat mengurangkan kesesakan server malah membolehkan IPG mengawal dan menyokong pembelajaran dalam talian secara efektif.

Dapatan kajian juga menunjukkan pelajar memerlukan peruntukan masa untuk belajar tanpa gangguan. Peruntukan masa yang secukupnya diperlukan oleh pelajar untuk mengakses e-Pembelajaran. Struktur program juga perlu memperuntukkan waktu pembelajaran yang khusus untuk pengaksesan e-Pembelajaran dan mewajibkan penglibatan pelajar. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan penglibatan pelajar menggunakan interaksi dalam talian. Di samping itu, pelajar PPG juga perlu lebih cekap dalam mengendalikan masa untuk mengakses portal PPG.

Seterusnya, hasil kajian juga mendapati pelajar kurang mengakses Portal untuk menjawab kuiz. Situasi ini mungkin disebabkan oleh tiada motivasi untuk menjawab kuiz atau soalan kuiz tidak disediakan dalam tapak kursus. Justeru itu, pendedahan membina kuiz dan menjawab kuiz dalam talian kepada pensyarah dan pelajar perlu dimantapkan. Menurut Ting (2007), sokongan daripada pensyarah terhadap penggunaan e-Pembelajaran mampu meningkatkan manfaat e-Pembelajaran kepada pelajar. Di samping itu, polisi

memainkan peranan yang penting untuk menggerakkan penggunaan aktiviti dalam talian seperti aktiviti forum dan kuiz.

Rumusan

E-Pembelajaran sesuai digunakan dalam Pendidikan Jarak Jauh seperti Program Pensiswazahan Guru (PPG) memandangkan kursus PPG hanya mempunyai lima kali perjumpaan bersemuka sepanjang satu semester. Penggunaan pembelajaran dalam talian adalah perlu bagi memudahkan interaksi di antara pensyarah dan pelajar di luar jadual interaksi. Ini selaras dengan keperluan mod pembelajaran PPG yang memerlukan interaksi dalam talian bagi melengkapkan interaksi bersemuka dan penggunaan modul.

Menyedari kelebihan dan kepentingan pembelajaran secara maya kepada pelajar, kajian penggunaan pembelajaran dalam talian perlu diperluaskan kepada subjek lain dan program lain di IPG. Untuk mengkaji keberkesanan penggunaan pembelajaran dalam talian, kajian lanjut perlu dilaksanakan bagi melihat kesan penggunaan pembelajaran dalam talian ke atas pencapaian akademik pelajar. Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan pembelajaran dalam talian pula, sokongan dari semua pihak iaitu pelajar, pensyarah dan pengurusan amat diperlukan. Penambahbaikan berterusan wajar diberi perhatian oleh semua bagi melancarkan penggunaan portal pembelajaran dan meningkatkan kebolegunaan portal ini kepada pelajar.

Rujukan

- Alias, N., Siraj, S., DeWitt, D., Attaran, M., & Nordin, A. B. (2013). Evaluation on the Usability of Physics Module in a Secondary School in Malaysia: Students' Retrospective. *The Malaysian Online Journal of Educational Technology*, 44.
- Bernard, H.R. (2002). *Research Methods in Anthropology: Qualitative and quantitative methods* (3rd ed.). Walnut Creek, California: Alta Mira Press.
- Chai, C. S., & Chen, D. (2004). A review on usability evaluation methods for instructional multimedia: an analytical framework. *Instructional Journal of Multimedia*, 31(3), 231. Retrieved from <http://www.eric.ed.gov/contentdelivery/servlet/ERICServlet?acc.no=ED501628>
- Embi, M. A. (2010). *Amalan, keberkesanan & cabaran pelaksanaan e-pembelajaran di IPT Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Hanafi Atan, Hisham Dzakaria & Rozhan Mohd Idrus. (2008). *The role of learning interaction in Open & Distance Learning (ODL) issues, experience, and practices*. Sintok: Penerbitan Universiti Utara Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya, Malaysia: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Maxwell, J. A. (2005). *Qualitative research design: An Interactive Approach*. (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage
- Mohamad Hisyam Mohd. Hashim. (2006). *Interaksi dalam sistem pengurusan pembelajaran: satu kajian kes*. (Unpublished Tesis PhD). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.

- Mohd Azizol Mohamed. (2011). *Penggunaan sistem e-pembelajaran di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. (Unpublished Tesis Sarjana Muda). Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Nichols, M. (2003). A theory for e-learning. *Educational Technology & Society*, 6(2), 1-10.
- Rumaizi Ahmad. (2006). *Kesediaan guru menggunakan internet dalam pengajaran pembelajaran di Sekolah Menengah Teknik Kulim*. (Unpublished Kertas Projek Sarjana Pendidikan). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.
- O'Connor, C., Sceiford, E., Wang, G., Fourcar, Scocki, D., & Griffin, O. (2003). *Departure, abandonment, and dropout of e-learning: dilemma and solutions*. Retrieved from <http://www.masie.com>
- Pollard, E., & Hillage, J. (Eds). (2001). *Exploring e-learning*. (Report No. 376). Brighton, UK: The Institute for Employment Studies.
- Ting Kung Shiung. (2007). *Kajian mengenai penggunaan e-pembelajaran (e-learning) di kalangan pelajar jurusan Pendidikan Teknik dan Vokasional di Institusi Pengajian Tinggi (IPTA) Negeri Johor*. (Unpublished Tesis Sarjana). Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Zaharias, P. (2006). *Developing a usability evaluation method for e-learning applications: from functional usability to motivation to learn*. Athens: University of Economics and Business.